

# Malaysia berhasrat beli jet Su-30 buatan Rusia

Daripada HAMZAH SIDEK  
**UM 17 MAR 2002**  
MOSCOW 16 Mac — Malaysia berhasrat untuk membeli jet pejuang Su-30 buatan Rusia yang dianggap salah sebuah pesawat pejuang yang terbaik di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau amat tertarik dengan keupayaan jenis Sukhoi itu setelah menyaksikan demonstrasi penerbangannya di Institut Penerbangan Zhukovsky di sini petang semalam.

Bagaimanapun, beliau memberitahu sidang akhbar di sini hari

ini, beberapa perkara perlu dimuktamadkan sebelum pembelian dibuat termasuk mengubahsuai pesawat itu mengikut keperluan Malaysia.

Di samping itu, Malaysia perlu dibenarkan melibatkan diri dalam pemasangan pesawat tersebut, mungkin dengan cara membekalkan beberapa komponennya atas dasar alternatif.

Malaysia kini memiliki 18 jet pejuang MiG-29 yang dibeli dari Rusia pada 1994. Hasil lawatan ke Moscow, keputusan juga telah dibuat untuk membeli 10 buah helikop-

ter Mi-17 bagi menggantikan pesawat Nuri yang sudah terlalu lama digunakan.

Rusia adalah penjual senjata ketiga terbesar di Asia Tenggara selepas Amerika Syarikat dan Britain.

Perdana Menteri juga berkata, lawatannya ke Rusia amat berjaya. Semasa kunjungannya, beliau telah melawat ke beberapa pusat penyelidikan kaji cuaca dan alam sekitar, biokimia dan penerbangan.

"Hasil lawatan ini, Malaysia dan Rusia akan bekerjasama dalam beberapa bidang," katanya.

■ Lihat muka 5

## Malaysia berhasrat beli jet Su-30 buatan Rusia

UM 17 MAR 20

Mengulas mengenai kenyataan FBI bahawa Malaysia tidak terlibat sebagai tapak melancarkan keganasan di peringkat antarabangsa sebagaimana dakwaan yang dilemparkan oleh beberapa laporan media asing, beliau gembira kerana segala anggapan dan tuduhan terhadap Malaysia adalah tidak benar.

Katanya, banyak dakwaan terhadap Malaysia berpunca daripada laporan media asing yang tidak betul kerana mereka mempunyai agenda tertentu.

Menurutnya, keadaan ini juga dicerminkan dengan tindakan Dana Pencen California memohon untuk membeli bonbon Malaysia baru-baru ini. Sebelum itu, dana antarabangsa tersebut mengambil keputusan menarik balik pelaburannya dari Asia Tenggara.

Perdana Menteri berlepas ke Stuttgart, Jerman pagi ini bagi lawatan peribadi selama dua hari, sebelum memulakan lawatan kerja di Munich dan Berlin pada 18 hingga 20 Mac ini.

Selepas Jerman, Dr. Mahathir akan berlepas pula ke Poland untuk lawatan kerja selama dua hari. Kunjungan ke Moscow adalah lawatan rasmi yang pertama beliau ke luar negara tahun ini. —

Utusan